

28 JUN 2001

Koh - Pemimpin

KEPESATAN EKONOMI NEGARA KRN SEMANGAT DR MAHATHIR JADIKAN M'SIA MAJU

PULAU PINANG, 28 Jun (Bernama) -- Kepesatan ekonomi dan kemajuan yang dinikmati negara sejak 20 tahun lalu adalah hasil semangat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat Malaysia menjadi sebuah negara maju, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata, ketokohan Dr Mahathir telah menjadikan negara ini yang dahulunya hanyalah sebuah negara membangun kini menjadi sebuah negara yang disegani ramai.

Katanya, pelbagai dasar dan wawasan yang dirangka dan diperkenalkan oleh Perdana Menteri itu telah membantu kepesatan pembangunan negara secara keseluruhannya.

"Kita tidak lupa... jasa Perdana Menteri dan ilham beliau yang telah memperkenalkan dasar dan wawasan negara," katanya pada majlis perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri di sini malam ini.

Beliau berkata, sejak 20 tahun lalu, angka perolehan nilai eksport negara meningkat sebanyak 13 kali ganda iaitu daripada RM28 bilion kepada RM363 bilion.

Koh berkata, angka eksport bahan pembuatan meningkat sebanyak 55 kali ganda daripada RM5.8 bilion kepada RM322 bilion.

Katanya, kini nilai eksport bahan industri seperti bijih timah dan getah hanya 20 peratus manakala nilai eksport pengeluaran barangan industri meningkat kepada 80 peratus.

Beliau berkata, peningkatan ekonomi dari bidang pertanian dan komoditi kepada perindustrian membuktikan betapa bertuahanya negara ini.

Koh meminta semua rakyat bersatu padu dan bekerja dengan lebih kuat lagi bagi memajukan lagi negara.

-- BERNAMA

NER FAZ